

19/02/2003

NAM: Dunia tertunggu-tunggu ucapan keramat Dr Mahathir

Kadir Dikoh

UCAPAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Selasa depan, sememangnya dinanti-nantikan, bukan saja pemimpin negara NAM, malah

kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain.

"Sebenarnya, sejak tahun lalu lagi kuasa besar sudah memerhati perkembangan NAM dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diterajui Malaysia. Mereka melihat Dr Mahathir bukan saja sebagai Perdana

Menteri Malaysia malah mewakili suara negara Selatan, negara membangun dan

dunia Islam," kata seorang pegawai kanan Wisma Putra.

Tidak perlu diragui bahawa ucapan Dr Mahathir selaku Pengerusi NAM dijangka agak keras dan berani. Ia mampu meninggalkan kesan mendalam kepada negara Barat atau sesetengah negara Teluk yang menjadi tali barut Amerika Syarikat.

Dr Mahathir walaupun sibuk menulis buku Memoir Perdana Menteri yang bakal diterbitkan sebelum atau selepas persaraannya Oktober nanti, tetap memberi keutamaan kepada inti ucapan perasmian NAM ke-13 itu.

Sumber yang rapat dengan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir mula merangka ucapan itu sejak sebulan lalu. Pada hari tertentu beliau menulis

ucapan berkenaan sehari suntuk.

Kehadiran lebih 60 pemimpin dunia pada sidang kali ini, terbanyak dalam

sejarah NAM, antara lain disebabkan faktor Dr Mahathir yang berpengaruh.

NAM dengan keanggotaan 114 negara, diwakili hampir semua negara Selatan

dan 40 daripadanya adalah anggota OIC. Lebih dua pertiga pula menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB),

Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki yang akan menyerahkan jawatan Pengerusi NAM kepada Dr Mahathir kali ini dalam temu ramah dengan akhbar New Straits Times Khamis lalu menyatakan bahawa Kuala Lumpur sememangnya layak mengambil alih jawatan itu kerana Perdana Menteri boleh memberi kepimpinan yang diharapkan bagi pergerakan itu untuk menghadapi cabaran semasa.

Walaupun ada negara Barat tidak senang dengan inti ucapan Dr Mahathir atas alasan tertentu, mereka sentiasa mengikuti ucapan Perdana Menteri.

Pada sesi pembukaan Forum Ekonomi Dunia di Davos bulan lalu, Dr Mahathir

mengecam Amerika Syarikat sambil berkata, "dasar tindakan ganas terhadap pengganas" yang diamalkan negara kuasa besar, tidak akan berjaya. Beliau meramalkan peperangan akan berpanjangan akibat sikap benci-membenci, balas

dendam dan tamak.

Amaran Perdana Menteri itu, lapor agensi berita AFP, mendapat tepukan gemuruh di kalangan pemimpin perdagangan dan politik.

Dr Mahathir, menurut AFP, mendakwa Barat cuba menguatkuasakan pelaksanaan demokrasi kapitalis mereka secara paksa dan bertindak mengenakan sekatan ekonomi atau mengebom mereka yang enggan menerima model sedemikian.

"Adalah satu kesalahan untuk berkata sesuatu yang buruk terhadap demokrasi Barat. Sekiranya berbuat demikian, anda akan dianggap musuh. Anda akan dikenakan sekatan ekonomi hingga menyebabkan anda kebulur atau anda dibom hingga mati.

"Bertindak ganas terhadap penganas tidak akan berjaya, tetapi menyelesaikan masalah yang menyebabkan keganasan, akan membantu menghapuskan keganasan. Golongan yang lemah kini sudah bertindak untuk melawan, dengan satu-satunya cara yang mereka mampu, memburu musuh mereka dan menyerang dari semua sudut, di mana-mana bahagian dunia sekalipun. Tidak ada orang yang akan terkecuali. Kebimbangan kini menyelubungi dunia," kata Dr Mahathir.

Pada sidang akhbar sempena lawatannya di Kaherah sebelum ke Davos, Dr Mahathir turut menolak anggapan kononnya NAM sudah tidak relevan, semata-

mata kerana Perang Dingin membabitkan dua kuasa besar sudah berakhir.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, keadaan kini paling sesuai bagi negara

kecil bersatu dalam NAM supaya tidak ditekan oleh kuasa besar.

"Malaysia melihat sidang kemuncak NAM di Kuala Lumpur penting bagi mengumpul negara kecil supaya pandangan kita tidak diketepikan," katanya.

Perdana Menteri tidak hadir di sidang NAM ke-12 pada September 1998 di Durban, Afrika Selatan apabila membatalkan kehadirannya pada saat akhir berikutan pergolakan politik dalam negara serta krisis ekonomi serantau ketika itu.

Ucapan tanpa berselindung di Durban disampaikan oleh Menteri Luar ketika

itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang antara lain mengingatkan negara anggota NAM supaya bersatu bagi menghadapi sebarang usaha penjajahan dalam bentuk baru.

Perdana Menteri dipetik sebagai berkata, kuasa-kuasa besar tidak lagi menggunakan kekuatan tentera sebagai senjata, sebaliknya mengenakan tekanan ekonomi yang jelas lebih berkesan.

Kelmarin, agensi berita asing, AP melaporkan bahawa walaupun menerajui sebuah negara kecil, Dr Mahathir yang dikenali umum seorang yang bijak dan

sering bercakap berterus terang akan merungkaikan kebimbangan negara kecil

yang akan berkumpul untuk sidang NAM kali ini. Keadaan begitu genting berikutan suasana di Iraq yang menghadapi ancaman serangan Amerika Syarikat.

Laporan itu menyebut sejak menjadi Perdana Menteri pada 1981, Dr Mahathir bagaikan sudah menjadi jurucakap bagi negara membangun.

Menurut AP, selain Dr Mahathir, seorang lagi 'bintang' yang bakal menarik perhatian pada sidang NAM di Kuala Lumpur ialah Presiden Cuba, Fidel Castro.

"Antara sebab dunia memberi keyakinan Malaysia menjadi tuan rumah NAM kali ini kerana kedudukan Dr Mahathir. Mereka mengiktiraf Dr Mahathir

sebagai pemimpin negara membangun," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang dipetik oleh agensi itu.

Dr Mahathir yang akan mengambil alih jawatan Pengerusi OIC Oktober ini juga mencadangkan supaya OIC mengadakan mesyuarat tergepang sempena NAM di

Kuala Lumpur ini, bagi membincang krisis Iraq tetapi ditolak oleh Qatar, pengerusi OIC sekarang.

Qatar hanya bersetuju dengan usaha Malaysia mengadakan perbincangan tidak rasmi di kalangan negara anggota OIC mengenai isu yang membabitkan dunia Islam, yang akan diadakan pada acara sampingan NAM minggu depan.

Ini adalah hasil perbincangan Dr Mahathir dan Amir Qatar, Amir Hamad Khalifa Al-Thani kelmarin. Menteri Luar Qatar Sheikh Hamad Jaseem Al-Thani

menelefon Perdana Menteri malam kelmarin untuk menyatakan sokongan negaranya terhadap perbincangan tidak rasmi itu dengan perhatian utama kini terhadap kemungkinan berlakunya serangan terhadap Iraq yang diketuai

Amerika Syarikat dan konflik Israel-Palestin yang semakin meruncing.

Qatar pada mulanya tidak bersetuju terhadap rancangan Malaysia untuk mengadakan mesyuarat tergepang OIC yang dijadual pada 26 Februari, sehari

selepas Sidang Kemuncak NAM.

Tindakan Qatar itu dipercayai kerana takutkan Amerika Syarikat yang menjadi sekutunya. Negara itu juga berpendapat walau apapun keputusan OIC

sama ada diadakan mesyuarat tergepang atau tidak rasmi, ia mungkin tidak dipandang oleh kuasa besar terutama Amerika Syarikat.

Di Jitra, Kedah, baru-baru ini, Dr Mahathir berkata OIC tidak dapat bertindak bagi menghalang serangan ke atas Iraq kerana ia lemah dan pandangannya tidak dihiraukan Amerika Syarikat. Pendirian Perancis, Jerman

dan Belgium dilihat lebih tegas berbanding OIC dalam isu serangan ke atas

Iraq walaupun negara berkenaan tidak sekuat Amerika.

"Kita dapati OIC tidak mengambil apa-apa tindakan (mengenai isu Iraq) kerana sedar mengenai kelemahannya. Apa juga pendapatnya tidak akan dihiraukan Amerika," katanya.

Sehubungan itu, katanya, negara Islam perlu menjadi kuat jika berhasrat

membantu umat Islam lain.

"Kita dapati semua negara Islam hari ini adalah lemah. Sebab itu mereka

sendiri faham mereka tidak punyai pengaruh dalam menentukan nasib umat Islam," katanya.

Umat Islam tidak boleh menyalahkan orang lain kerana kelemahan negara Islam sendiri.

Apa yang diharapkan ialah tindakan yang akan diambil Dr Mahathir apabila

mempengerusikan OIC boleh mengubah imej "Oh I See" kepada sesuatu yang akan mempengaruhi dunia. Ini boleh dilakukan apabila negara Islam, yang kini tidak bersatu sama ada dalam OIC atau Liga Arab yang dianggotai 22 negara Teluk, bangkit dengan satu suara dan tindakan yang padu.

Kekayaan minyak dilihat sebagai satu-satunya senjata yang paling berpotensi untuk digunakan bagi menekan negara Barat yang semakin

bongkak.

Isu kelemahan OIC ini juga dijangka disentuh oleh Dr Mahathir dalam ucapan perasmian Sidang NAM ke-13 di ibu negara, Selasa ini.